

RABU • 08.11.2017

ALAM AKADEMI

Santai Seni buka tirai Expokonvo UMP 2017

ALAM AKADEMI M/S 26

Oleh ZAMZURINA AHMAD

pengarang@utusan.com.my

■ KUANTAN 7 NOV.

SERAMAI 160 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan bakat masing-masing sempena program Santai Seni anjuran Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP dan Majlis Daerah Pekan di Dataran Pekan dekat sini baru-baru ini.

Penganjuran program tersebut merupakan simbolik pembukaan Expokonvo UMP 2017 sempena Majlis Konvolesyen Kali ke-12 yang bakal berlangsung selama tiga hari bermula 18 November ini.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Datuk Dr. Yuserrie Zainuddin berkata, program sebagai pembuka tirai itu membabitkan persembahan tarian kebudayaan dan nyanyian daripada Kumpulan Kencana Pawan dan Kustari Borneo kendalian Sekretariat Kebudayaan serta Kesenian UMP serta persembahan kompong.

"Melalui penganjuran seperti ini kita dapat mengetengahkan bakat mahasiswa dalam seni dari selain menampilkan kreativiti mereka."

"Dalam masa yang sama, kita dapat memperkenalkan UMP kepada khalayak ramai dan menjadikan sebahagian program Tahun Melawat Pahang 2017 sebagai tarikan pelancong ke negeri Tok Gajah ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Menurut Yuserrie, pihak universiti sentiasa mengalu-alukan penyertaan mahasiswa dalam bidang kurikulum seperti aktiviti kebudayaan dalam melahirkan graduan



YUSERRIE ZAINUDDIN (tengah) bersama mahasiswa yang menjayakan penganjuran Malam Santai Seni dan Praexpokonvo UMP 2017 di Dataran Pekan, Pahang, baru-baru ini.



Melalui penganjuran seperti ini kita dapat mengetengahkan bakat mahasiswa dalam seni dari selain menampilkan kreativiti mereka."

YUSERRIE ZAINUDDIN

Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

lebih kompeten dan berdaya saing.

"Terdapat lebih 70 kelab dan persatuan di UMP sebagai platform mahasiswa mengasah bakat ma-

sing-masing agar lebih kreatif serta berinovasi sebagai bekalan apabila berdepan dengan pekerjaan kelak."

"Program santai seni ini khususnya adalah ruang untuk kita memperkenalkan bakat mahasiswa bahawa mereka bukan sahaja cemerlang dalam akademik tetapi berbakat besar," jelasnya.

Tambahnya, sepanjang Expokonvo UMP 2017 dan Majlis Konvolesyen Kali ke-12 pengunjung terutama ahli keluarga para graduan boleh mendapatkan maklumat terkini berkaitan universiti serta mengambil bahagian dalam setiap aktiviti kendalian mahasiswa.

Sementara itu, katanya, UMP bakal menjadi tumpuan pancingan sempena penganjuran Pertandingan

Memancing Terbuka Expokonvo dengan kerjasama Kumpulan Pesut pada 11 November ini di Tasik UMP Pekan dekat sini.

"Manakala terdapat lebih 60 gerai jualan dan ExpoBazar UMP untuk dikunjungi. UMP juga mengadakan Pameran Mutiara Mahkota Tuanku Canselor yang menempatkan koleksi gambar manirik serta cenderamata untuk dimiliki di Galeri UMP."

"Memeriahkan Expokonvo adalah segmen pendidikan untuk pelajar sekolah termasuklah Program Spell It Right, Choral Speaking, Street Science @Gallery dan pertandingan Mewarna dan Pakaiannya Beragam khusus untuk kanak-kanak," katanya.